

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini mengandungi maklumat penting mengenai insurans hayat anda. Pelanggan lain turut membaca LPP ini dan mendapati ia berguna; **anda juga patut membacanya**. LPP ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan berdasarkan lelaki sihat berumur 30 tahun yang tidak merokok.



Tarikh: 1 Jan 2026

1 Apakah Zurich Multi Shield?

Zurich Multi Shield menyediakan perlindungan terhadap Kematian, Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK), Manfaat Kematian Akibat Kemalangan (KAK), Hilang Upaya Warga Emas (HUWE), Penyakit Terminal (TI) dan Kanser Terminal (TC) selama 70 tahun. Selain itu, produk ini juga dilengkapi dengan Keistimewaan Penjagaan Pasangan, dan Manfaat Kematangan Dijamin.

2 Kenali Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM 6,550.00** tahunan, anda akan menerima **perlindungan** insurans hayat berikut:

Manfaat Kematian / HUKK / HUWE / TI / TC	RM 500,000 atau nilai tunai atau Jumlah Premium yang telah dibayar, yang mana lebih tinggi
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Balik Kampung	Tambahan RM 500,000 sebagai tambahan kepada Manfaat Kematian
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Pengangkutan Awam	Tambahan RM 1,000,000 sebagai tambahan kepada Manfaat Kematian
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Di Luar Negara	Tambahan RM 1,500,000 sebagai tambahan kepada Manfaat Kematian
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Di Dalam Penerbangan	Tambahan RM 2,000,000 sebagai tambahan kepada Manfaat Kematian
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Bencana Alam	Tambahan RM 2,500,000 sebagai tambahan kepada Manfaat Kematian
Keistimewaan Penjagaan Pasangan	Pasangan mempunyai pilihan untuk membeli polisi hayat yang menyediakan manfaat Kematian atau HUKK untuk jumlah perlindungan sehingga RM 250,000 tanpa memerlukan bukti kebolehsurans
Manfaat Kematangan Dijamin	RM 750,000

Nota:

- **Produk ini menyediakan jaminan pulangan tahunan sebanyak 1.30%, jika dipegang sehingga matang.**
- **Sila minta contoh kontrak daripada pengantara anda untuk senarai penuh mengenai terma dan syarat.**

Manfaat-manfaat yang dibayar adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk brosur PIDM TIPS atau hubungi Zurich Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Insurans hayat anda **mengecualikan**:

- Kematian - Jika disebabkan bunuh diri dalam tempoh 1 tahun, hanya premium yang telah dibayar akan dibayar.
- HUKK / HUWE / TI / TC - Keadaan perubatan yang anda alami, atau mengalami simptom, sebelum membeli pelan (iaitu penyakit sedia ada).
- Kematian Akibat Kemalangan - Sebarang kecederaan yang dilakukan oleh diri sendiri.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. . Anda hendaklah merujuk kepada polisi insurans untuk senarai penuh pengecualian.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1-300-888-622



Layari kami di
<https://mya.zurich.com.my/rdt/multishield>



E-mel kami di
callcentre@zurich.com.my

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	RM 6,550.00 (tahunan)
Tempoh: 70 tahun	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Komisen	28.50% daripada premium atau RM 11,200.50 selama 6 tahun Sila rujuk Ilustrasi Jualan untuk butiran lanjut.
Caj lain yang berkenaan	Cukai – Premium dan yuran tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan lain, jika berkenaan.

4 Syarat-syarat Utama Lain

- Anda hendaklah mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan. - Lien Juvana akan diguna pakai untuk Manfaat Kematian atau HUKK atau TI atau TC sebelum mencapai umur 4 tahun. - Tempoh Ihsan premium selama 31 hari dari tarikh tamat tempoh premium akan dibenarkan untuk pembayaran setiap premium. - Pembayaran premium selepas tempoh ihsan mungkin menyebabkan polisi luput dan boleh menjejaskan pembayaran manfaat masa depan. - Premium bagi pelan ini adalah terjamin. Premium adalah berdasarkan risiko standard. Terma dan kadar polisi mungkin berbeza bergantung pada syarat-syarat pengunderaitan. Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda hendaklah merujuk polisi bagi senarai penuh terma dan syarat.
--

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya? Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami. Tempoh Bertenang: Anda boleh membatalkan polisi anda dalam tempoh 15 hari selepas polisi anda dihantar kepada anda. Premium yang telah anda bayar akan dikembalikan kepada anda, ditolak sebarang yuran perubatan yang dikenakan. Pembatalan/Penyerahan: Selepas Tempoh Bertenang, anda boleh membatalkan polisi dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Kami akan bayar anda nilai tunai.

Zurich Life Insurance Malaysia Berhad (No. Pendaftaran 196801000442 (8029-A)) didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.